

BAHAGIAN A

Soalan A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang paling sesuai pada setiap perkataan. Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

Warga Singapura selalu dinasihatkan agar berwaspada semasa berbelanja di dalam talian. Aplikasi seperti 'Carousell' amat **(1)** kenal dalam kalangan warga Singapura tidak kira usia. Namun, pembeli perlu akur betapa bahayanya jika terlalu **(2)** percaya penjual yang tidak bersikap jujur. Pelbagai kes **(3)** tipu telah dilaporkan kepada pihak polis akibat pembeli yang terburu-buru membayar barangan yang diinginkan secara dalam talian. Hal ini berlaku **(4)** sebab pembeli terpedaya akan harga yang amat murah yang ditawarkan oleh penjual. Jelas sekali, terdapat **(5)** perlu untuk mendidik warga Singapura agar lebih peka semasa berbelanja di dalam talian. Lebih-lebih lagi jika penjual yang terlibat tidak berlesen dan menawarkan harga yang jauh lebih rendah daripada yang ditawarkan di pasaran.

Soalan A2 (10 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini untuk melengkapkan jalan cerita petikan karangan. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

- (A) belayar sampai ke pulau
- (B) pisang tidak berbuah dua kali
- (C) nasi tak dingin pinggan tak retak
- (D) kusut di hujung, bawa ke pangkal
- (E) sekali air bah sekali pasir berubah
- (F) tangan mencencang bahu memikul
- (G) sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan
- (H) diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat
- (I) lain padang lain belalangnya, lain lubuk lain ikannya
- (J) kemenyan sebesar lutut, tidak dibakar takkan berbau

Idham merupakan pelajar yang bijak dan prihatin di dalam kelasnya. Dia berpegang teguh kepada prinsip bahawa ilmu itu bukan hanya untuk ditimba tetapi harus dikongsi dengan orang lain, bak kata pepatah, **(6)** _____. Justeru, ramai pelajar di dalam kelas Idham ingin dia menjadi ketua kelas dan bukan Ahmad lagi. Ramai pelajar tidak setuju dengan cara Ahmad mengendalikan hal ehwal kelas dan menginginkan perubahan seperti pepatah **(7)** _____. Idham amat teliti apabila melaksanakan tugasnya sebagai ketua kelas kerana dia faham bahawa setiap kesalahan yang dia lakukan perlu dia tanggung seperti pepatah **(8)** _____.

Idham amat berbeza sikapnya daripada Ahmad. Idham lebih cermat melakukan tugas atau projek kelas. Walaupun banyak projek kelas yang perlu Idham uruskan, jarang yang rosak ibarat **(9)** _____. Namun, Idham tidak pernah mengambil keputusan sendiri terburu-buru. Dia selalu meminta pandangan rakan-rakan sekelas. Jika tidak dapat dicapai persetujuan dalam sesebuah perbincangan, dia akan menyelidik kembali pokok persoalannya seperti pepatah **(10)** _____. Idham berharap rakan sekelasnya sentiasa menyokong kebolehannya untuk menjadi ketua kelas.

(lihat halaman sebelah)

Soalan A3 (10 markah)

Arahan: Pilih sepatah perkataan yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan untuk mengisi tempat kosong dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

dari	daripada	kebanyakan
menggalakkan	mengajak	pelbagai
sembarangan	terjamin	

Pihak pemerintah Singapura semakin giat mendidik warga Singapura tentang kepentingan mengitar semula barang-barang yang tidak diperlukan lagi. Jika dilihat **(11)** _____ segi sambutan melalui kempen yang telah dianjurkan, ramai warga Singapura tertarik untuk melibatkan diri terhadap usaha mengitar semula barangan yang tidak terpakai lagi. **(12)** _____ badan pertubuhan juga turut serta dalam kempen-kempen mengitar semula yang dianjurkan itu. Tambahan lagi, tong kitar semula yang ditempatkan di setiap estet perumahan adalah untuk **(13)** _____ orang ramai mengitar semula barang-barang yang tidak diperlukan lagi. Secara tidak langsung, kebersihan estet juga **(14)** _____ kerana penduduk estet tidak membuang barang-barang yang tidak diperlukan lagi secara **(15)** _____. Dapat dikatakan, usaha kitar semula hanya berbaloi jika setiap pihak memainkan peranan yang sewajarnya.

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan berikut dengan teliti.

Petikan 1

KHASIAT DAN KEBAIKAN SAYURAN HIJAU

Sayur-sayuran dan buah-buahan memang telah lama diketahui dari segi khasiatnya kerana kandungan nutrien seperti vitamin, mineral, lemak, protein dan karbohidrat. Pengamal sayur-sayuran dan buah-buahan telah dikenali pasti hidup lebih sihat berbanding dengan mereka yang makan pelbagai makanan selain sayur-sayuran dan buah-buahan. Kebanyakan negara maju seperti Britain, Amerika Syarikat dan Jepun menjadikan sayur-sayuran dan buah-buahan sebagai menu utama mereka. Ini kerana, mereka telah mengenal pasti amalan makan makanan yang sihat seperti ini dapat meningkatkan kualiti hidup.

(1) Membantu proses menurunkan berat badan

Sayuran hijau ialah hasil semula jadi yang rendah dengan karbohidrat tetapi kaya dengan serat untuk menjadikan ia lambat untuk dihadamkan. Justeru ia akan membantu seseorang itu berasa kenyang untuk tempoh yang lebih lama. Kelebihan utama sayuran hijau ialah ia mengandungi kadar kalori yang rendah dan terbukti ia sesuai dijadikan menu untuk membantu proses penurunan berat badan.

(2) Mencantikkan kulit

Oleh sebab sayuran hijau mengandungi banyak kandungan air, ia membantu badan untuk mengekalkan kelembapan dan meningkatkan kecantikan kulit dan rambut. Antioksidan seperti vitamin C yang terdapat di dalam sayuran hijau juga membantu tubuh untuk menghasilkan kolagen yang juga membantu seseorang itu mencantikkan kulit dan rambut selain mengurangkan risiko arthritis. Vitamin E dan vitamin C bergabung untuk mengekalkan kulit yang sihat walaupun telah meningkat usia.

(3) Membina dan memperbaiki tulang

Sesetengah sayuran hijau seperti sayur kailan tinggi dengan kalsium yang dapat membantu seseorang itu memastikan gigi dan tulangnya sentiasa kuat. Ia juga dapat mengurangkan risiko menghidap osteoporosis. Sayur yang mengandungi kalium (*potassium*) juga mempunyai fungsi yang sama. Oleh yang demikian bagi mendapatkan tulang yang kuat, badan kita memerlukan kalsium, vitamin D dan vitamin K yang bekerjasama untuk membina dan memperbaiki tulang.

(4) Memastikan sistem imun yang kuat

Sayuran hijau seperti bayam, mengandungi beta-karotena (*beta carotene*) yang dapat membantu seseorang itu melindungi selnya daripada rosak, meningkatkan fungsi imun dan melindungi mata daripada penyakit yang berkaitan dengan usia. Selain itu, ia juga **menyumbang** kepada pertumbuhan dan pembaikan tisu badan.



(Dipetik dan diubahsuai daripada laman <http://panduan-tips-petua.blogspot.com/2014/03/5-khasiat-dan-kebaikan-sayuran-hijau.html>)

(lihat halaman sebelah)

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 5, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

- 16 Negara seperti Britain menjadikan sayur-sayuran sebagai menu utama disebabkan _____.
- (A) khasiat dan kebaikan sayuran hijau
 - (B) pengamal sayur-sayuran telah dikenali pasti hidup lebih sihat
 - (C) kandungan nutrien seperti vitamin, mineral, lemak, protein dan karbohidrat
 - (D) mengamalkan makanan seperti sayur-sayuran dapat meningkatkan kualiti hidup
- 17 Memakan sayuran membantu seseorang berasa kenyang dalam jangka masa yang lebih lama kerana _____.
- (A) kandungan air yang banyak
 - (B) proses penghadaman yang lambat
 - (C) mengandungi kadar kalori yang rendah
 - (D) sesuai dijadikan menu untuk mengurangkan berat badan
- 18 Perkataan 'menyumbang' dalam petikan ini bermaksud _____.
- (A) membantu
 - (B) memberikan
 - (C) mengagihkan
 - (D) menyediakan

Petikan 2

BANDAR KEDIAMAN YANG BIJAK DAN SELESA

Memelihara alam sekitar merupakan sebahagian daripada cara hidup kita di Singapura. Pemerintah akan terus berusaha menjadikan Singapura sebuah kediaman yang lebih baik untuk didiami, bekerja dan beriadah.

NEGARA BIJAK

Pemerintah bakal memulakan projek-projek nasional yang strategik seperti Platform Sensor Negara Bijak, Sistem Pengenalan Digital Nasional. Sistem pembayaran secara elektronik dan perkongsian lebih banyak data akan dimulakan.

GRID TENAGA 2.0

Pada masa akan datang, usaha untuk membangunkan aturan grid generasi seterusnya akan dimulakan. Diharapkan ia boleh bertindak dengan cepat dan boleh diharap mengikut turun naiknya permintaan dan bekalan tenaga.

CUKAI KARBON

Dari 2019 hingga 2023, cukai karbon sebanyak \$5 setiap tan gas rumah hijau akan dikenakan kepada tempat-tempat yang mengeluarkan 25,000 tan atau lebih gas rumah hijau dalam setahun. Ini akan menggalakkan pengurangan pengeluaran gas

BAUCAR GST U-SAVE

Tambahan \$20 setiap tahun bermula 2019 hingga 2021 untuk keluarga-keluarga yang tinggal di flat HDB yang layak bagi menampung kenaikan purata yang dijangkakan untuk perbelanjaan bekalan elektrik dan gas.

MEMPERTINGKAT KECEKAPAN

Geran-geran dan bantuan untuk membantu syarikat-syarikat dengan projek-projek yang berguna dalam mempertingkatkan kecekapan tenaga dan mengurangkan pengeluaran gas.



(Dipetik dan diubahsuai daripada laman
https://www.singaporebudget.gov.sg/data/budget_2018/download/FY2018_Budget_Summary_Slide_MAL.pdf)

(lihat halaman sebelah)

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 7, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

- 19 Bagi memastikan pengurangan pengeluaran gas, pemerintah akan _____.
- (A) memelihara alam sekitar
 - (B) memulakan projek-projek nasional yang strategik
 - (C) menetapkan cukai karbon sebanyak \$5 setiap tan gas rumah hijau
 - (D) menjadikan Singapura sebuah negara yang lebih baik untuk didiami
- 20 Baucar GST U-Save diberikan kepada keluarga-keluarga yang layak untuk _____.
- (A) perbelanjaan elektrik dan gas
 - (B) mengikut turun naiknya permintaan dan bekalan tenaga
 - (C) pembayaran secara elektronik dan perkongsian lebih banyak data
 - (D) mempertingkatkan kecekapan tenaga dan mengurangkan pengeluaran gas

BAHAGIAN C (30 markah)

ARAHAN: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Ella mula senyum. Sejak dia pandai membuat kuih cek mek molek, dia merasakan satu keseronokan untuknya cuba membuat kuih-kuih lain. Otaknya mula ligat berfikir tentang rezeki bulan Ramadan. Balik dari kelas tadi, sempat dia **menelaah** resipi di Internet beberapa jenis kuih yang dirasakan dapat menarik pembeli untuk mencuba kuih-kuihnya nanti.

Kelasnya akan tamat awal apabila menjelang bulan puasa tiba, apatah lagi kalau pensyarah yang suka membatalkan kelas. Seawal pukul empat petang dia sudah ada di rumah. Kesempatan itu dia gunakan sepenuhnya untuk mempelajari cara untuk membuat kuih. Duit lebih itu untuk membiayai pengajiannya di kampus nanti. Ella senyum lagi. 5

Maka bermulalah **azam** Ella untuk menjadi seorang peniaga kecil-kecilan. Dia mula berangan ingin menjual kuih pada hujung minggu sahaja. 10

“Kak Eton, boleh saya tumpang berniaga kuih di sini? Hujung minggu sahaja. Nanti saya bayar sewa. Boleh?” Ella mula bersemangat dan bertanya tanpa perasaan malu. Dia kenal kak Eton semasa membeli nasi lemak di gerai itu dahulu. Kak Eton memang murah dengan senyuman.

“Boleh! Kebetulan pada hari Minggu kakak tidak banyak kuih untuk dijual. Bila hendak mula?” Kak Eton tersenyum.

“Minggu ni!” Ella tersenyum lebar. 15

Pagi Sabtu, Ella bangun dengan semangat yang **berkobar**. Dia melangkah kaki ke dapur dengan satu senyuman. Kak Yati hanya senyum melihat Ella yang tersenyum-senyum. Nor, Alin dan Shidah pula tiada di asrama. Masing-masing terbuka di luar. Ada pula yang balik ke kampung masing-masing. Maklumlah rumah mereka dekat sahaja dengan asrama. Hari ini dia dan Kak Yati sahaja di asrama. Dapur yang selalu sempit dengan rakan-rakan lain memasak juadah mereka kini bebas untuk dia gunakan sendirian untuk membuat kuih. Ella senyum lagi. Terasa tiada gangguan. Dia bertungkus-lumus menyiapkan kuih yang ingin dijualnya. 20

Ella mula melihat pengunjung bazar di situ mula melanggan gerai-gerai. Dia segera memakai apron merah menyala dan mula senyum kepada pengunjung yang lalu di depan gerai Kak Eton. Ella percaya jika dia tidak lokek dengan senyuman, pasti pelanggan akan **membanjiri** gerainya. 25

“Abang, kakak, pak cik, mak cik! Mari! Mari! Enak dan lazat kuih-kuih ini. Mari! Mari!” Ella senyum sambil melaungkan suaranya. 30

Beberapa orang pelanggan di situ mula membeli kuih-kuih Ella apabila terbaca nama-nama pelik pada setiap jenis kuih di situ.

“Kuih! Kuih!” Ella melaung dengan kuat tanpa rasa malu.

Teringat masa kecil dahulu, dia sering membantu ibunya menjaja kuih di kampung sambil menjerit kuih! Kak Yati senyum geli hati melihat gelagat Ella yang tidak segan menjual kuih-kuihnya. Laungannya cukup menarik pelanggan berkerumun di gerai Kak Eton. Nasi lemak Kak Eton turut terjual sama. 35

(Dipetik dan diubah suai daripada cerpen 'Kuih!Kuih!' daripada laman <http://www.kapasitor.net/ms/cerpen/post/2803-kuih-kuih>)

(lihat halaman sebelah)

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 9, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam Buku yang disediakan.

- 21** Hal membuat kuih bukan sesuatu perkara yang membosankan Ella. Berikan bukti. (3 markah)
- 22** Apakah sebab-sebabnya Ella berpeluang untuk belajar membuat kuih-kuih yang lain? (3 markah)
- 23** Apakah alasan utama Ella untuk mencari nafkah yang lebih? (3 markah)
- 24** Ella amat serius untuk menjadi seorang peniaga kecil-kecilan. Buktikan. (3 markah)
- 25** 'Terasa tiada gangguan' (baris 21). Buktikan pernyataan tersebut. (5 markah)
- 26** Jelaskan faktor-faktor yang membolehkan jualan Ella laris. (5 markah)

Bagi **Soalan 27 hingga Soalan 30**, terangkan maksud perkataan atau frasa berikut berdasarkan penggunaannya dalam petikan.

- 27** menelaah (baris 3) (2 markah)
- 28** azam (baris 9) (2 markah)
- 29** berkobar (baris 16) (2 markah)
- 30** membanjiri (baris 26) (2 markah)

Selesai

**SKEMA JAWAPAN
MENENGAH 4 EKSPRES/5NA
BAHASA MELAYU
PEPERIKSAAN O LEVEL 2018**

SOALAN A1 (Soalan 1 – 5)		10 markah
1	terkenal (awalan)	2 m
2	mempercayai (apitan)	2 m
3	penipuan (apitan)	2 m
4	disebabkan(apitan)	2 m
5	keperluan(apitan)	2 m
SOALAN A2 (Soalan 6 – 15)		10 markah
6	J: kemenyan sebesar lutut, tidak dibakar takkan berbau (4ML: 69)	2 m
7	E: sekali air bah, sekali pasir berubah (2ML:39)	2 m
8	F: tangan mencencang bahu memikul (4ML: 76)	2 m
9	C: nasi tak dingin pinggan tak retak (3ML: 60)	2 m
10	G: sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan (1ML: 22)	2 m
SOALAN A3 (Soalan 11 – 15)		10 markah
11	dari (KT)	2 m
12	pelbagai (KN)	2 m
13	menggalakkan (KK)	2 m
14	terjamin (KA)	2 m
15	sembarangan (KN)	2 m
SOALAN B (Soalan 16 – 20)		10 markah
16	(D)mengamalkan makanan seperti sayur-sayuran dapat meningkatkan kualiti hidup	2 m
17	(B) proses penghadaman yang lambat	2 m
18	(A) membantu	2 m
19	(C) menetapkan cukai karbon sebanyak \$5 setiap tan gas rumah hijau	2 m
20	(A) perbelanjaan elektrik dan gas	2 m
BAHAGIAN C (Soalan 21 – 30)		30 markah
21	Hal membuat kuih bukan sesuatu perkara yang membosankan Ella. Berikan bukti. Sejak dia pandai membuat kuih cek mek molek, dia merasakan ada satu keseronokan untuknya mencuba kuih lain	3 m
22	Apakah sebab-sebabnya Ella berpeluang untuk belajar membuat kuih-kuih yang lain? -Kelasnya akan habis awal bila bulan puasa tiba. -Tambah-tambah kalau pensyarah yang suka batalkan kelas. -Seawal pukul empat dia sudah ada di rumah (2 faktor diperlukan untuk 3 markah penuh)	3 m
23	Apakah alasan utama Ella untuk mencari nafkah yang lebih? -Mencari duit lebih untuk membiayai pengajiannya di kampus nanti.	3 m
24	Ella amat serius untuk menjadi seorang peniaga kecil-kecilan. Buktikan. - Ella bertanya Kak Eton dengan semangat tanpa perasaan malu untuk menyewa gerainya pada hujung minggu sahaja termasuk bayaran sewa. - Ella juga menjawab kepada Kak Eton untuk bermula berniaga pada minggu itu juga. (2 perkara perlu dinyatakan)	3 m

25	'Terasa tiada gangguan' (baris 21). Buktikan pernyataan tersebut.	5 m
	-Nor, Alin dan Shidah tiada di asrama dan pada hari tersebut hanya Ella dan Kak Yati sahaja di asrama. - Dapur yang selalu sempit dengan rakan-rakan lain memasak kini bebas untuk dia gunakan sendirian untuk membuat kuih.	
26	Jelaskan faktor-faktor yang membolehkan jualan Ella laris.	5 m
	<ul style="list-style-type: none"> - Beberapa orang pelanggan mula membeli kuih Ella bila terbaca nama-nama pelik pada setiap jenis kuih yang Ella berikan. - Ella melaung perkataan kuih dengan kuat tanpa rasa malu untuk menarik perhatian pelanggan. - Ella tidak lokek dengan senyuman kerana dia percaya pelanggan akan membanjiri gerainya jika dia sering tersenyum. - Ella juga memberi gelaran 'kuih bagus' kepada kuihnya apabila berkomunikasi dengan pelanggannya untuk menarik perhatian pelanggannya. 	
27	menelaah (baris 3) – mempelajari	2 m
28	azam (baris 9) – cita-cita	2 m
29	berkobar (baris 16) – bergelora/ bernyala-nyala	2 m
30	membanjiri (baris 26) – berkerumun	2 m
MARKAH PENUH		70 Markah

Topics & Marks	Simple(Sub-total marks)	Moderate(Sub-total marks)	Challenging(Sub-total marks)
Imbuhan(10)	1 (2marks)	2,(2marks)	3,4,5(6 marks)
Peribahasa(10)		6,7,8(6 marks)	9,10(4 marks)
Lengkapkan Teks(10)		11(2marks)	12,13,14,15(8marks)
Kefahaman Objektif(10)	20(2marks)	16,17,19(4 marks)	18(2marks)
Kefahaman Subjektif(30)	21,27,28(7marks)	22,23,24(9marks)	25,26,29,30(14marks)